


Bahagian A
(Masa yang dicadangkan : 15 minit)
(10 markah)

Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar-gambar di bawah.



(2)


1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____



(3)

Bahagian B
(Masa dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

1. Kamu dan rakan-rakan kamu sedang berbual-bual tentang gotong-royong yang telah dijalankan di sekolah kamu.

Tuliskan perbualan itu selengkapnya.

ATAU

2. Tuliskan sebuah karangan yang bertajuk “Kebaikan Menabung”.

ATAU

3. Setiap orang mempunyai pengalaman pahit dan manis dalam hidupnya.

Ceritakan pengalaman manis kamu itu.

(4)


Bahagian B

Nombor soalan :





(6)



Bahagian C

(Masa yang dicadangkan : 20 minit)

(20 markah)

Tulis beberapa pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.

Panjang jawapan kamu mestilah tidak kurang 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.


Di sebuah kampung tinggal sepasang suami isteri yang sombong iaitu Pak Abu dan Mak Busu. Mereka tidak mahu bercampur dengan masyarakat kampung yang lain. Oleh itu, mereka telah dipulaukan oleh masyarakat kampung tersebut.

Pada suatu hari , Pak Abu jatuh sakit. Mak Busu memanggil bomoh untuk merawat suaminya, tetapi bomoh tersebut enggan datang ke rumahnya. Kemudian, Mak Busu pergi ke rumah pawang pula untuk meminta pertolongan tetapi hampa juga.

Akhirnya Mak Busu pergi ke rumah ketua kampung. Dia menceritakan apa yang terjadi kepada suaminya. Ketua kampung segera memberikan bantuan dan menasihati Mak Busu supaya tidak lagi bersikap sombang. Hidup dalam sesebuah kampung hendaklah seperti aur dengan tebing.

(7)

(8)



KERTAS SOALAN TAMAT

